

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

EBS 409/2 - Undang-Undang Perlombongan

Masa: (2 jam)

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Kertas soalan ini mengandungi ENAM (6) soalan semuanya.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua jawapan mestii dimulakan pada mukasurat baru.

1. [a] Terangkan secara ringkas bagaimana dan mengapa anda memohon untuk:
  - i] satu lesen untuk menggunakan air;
  - ii] satu lesen air.

(50 markah)

[b] Nyatakan empat (4) daripada syarat-syarat yang biasa terkandung dalam lesen untuk menggunakan air.

(40 markah)

[c] Sebutkan nama-nama jabatan kerajaan yang terlibat apabila anda membuat permohonan untuk
  - i] satu lesen untuk menggunakan air;
  - ii] satu lesen air

(10 markah)
2. Dalam perlombongan arang batu bawah tanah, terangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil apabila menghadapi masalah yang berikut:
  - [a] Gas mudah terbakar telah dijumpai dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

(25 markah)
  - [b] Kebakaran berlaku dalam lombong.

(25 markah)
  - [c] Kawasan-kawasan kerja yang tidak digunakan.

(25 markah)
  - [d] Pengurus lombong tidak dapat bertugas atau akan meninggalkan kawasan lombong selama lebih dari tiga (3) hari.

(25 markah)

3. [a] Terangkan bagaimana sistem ventilasi dalam pontoon kapal korek berfungsi.

(30 markah)

- [b] Mengapa pontoon kapal korek perlu di ventilasi? (30 markah)

- [c] Dengan bantuan gambarajah, terangkan tentang ciri keselamatan yang perlu diadakan dalam sistem ventilasi pontoon kapal korek supaya air yang memenuhi satu bilik pontoon tidak akan memasuki bilik pontoon yang bersebelahan.

(40 markah)

4. "Lesen Untuk Bekerja Bawah Tanah" seperti di Jadual XVII (Bahagian 85) dalam Enakmen Perlombongan bab 147, mengandungi empat belas (14) syarat.

Nyatakan sepuluh (10) daripada syarat-syarat tersebut.

(100 markah)

5. [a] Berkaitan dengan "Peraturan-peraturan Kuari Negeri Perak 1992", terangkan tentang langkah-langkah yang perlu diambil apabila sesuatu kemalangan berlaku dalam kuari yang mengakibatkan:-

- i] kehilangan nyawa atau kecederaan parah kepada seseorang, atau
- ii] kerosakan teruk kepada harta orang lain atau harta kerajaan.

(50 markah)

- [b] Nyatakan peraturan-peraturan yang meliputi penggunaan tangga dalam kerja-kerja kuari.

(50 markah)

6. Berkaitan dengan "Peraturan-peraturan Berkenaan Lombong Dedah", terangkan berkenaan peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi jika melombong berhampiran dengan jalan raya atau jalan keretapi.

(100 markah)

